# KOMPETENSI MORAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN ETIKA AKADEMIK DALAM KALANGAN PENSYARAH

**MUHAMAD DZAHIR BIN KASA**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2014**

# KOMPETENSI MORAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN ETIKA AKADEMIK DALAM KALANGAN PENSYARAH

**Oleh**

**MUHAMAD DZAHIR BIN KASA**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan**
**bagi ijazah**
**Doktor Falsafah**

**April 2014**

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah dengan izinNya, saya dapat menyiapkan Tesis Ph.D ini. Dalam ruang yang terhad ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penyelia saya iaitu Dr. Najeemah Mohd.Yusof, Prof. Madya Dr. Ishak Ramly dan Dr. Aswati Hamzah yang membimbing dalam menjalankan kajian Ph.D ini. Seterusnya, ucapan terima kasih kepada Ayah dan Ibu iaitu Kasa Mat Amin dan Aminah Abdullah yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Kepada isteri tersayang, Noor Jasmin Jaafar, terima kasih di atas segala pengorbanan sepanjang menyiapkan Ph.D ini.

Di sini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM, Dato' Profesor Dr. Abdul Rashid Mohamed, Timbalan Dekan Akademik Dr. Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail, Timbalan Dekan Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamad, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan JIM, Dr. Najeemah Mohd. Yusof. Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Bahasa Moden, UUM, Prof. Madya Dr. Mohd. Izam Ghazali, Timbalan Dekan, Dr. Mohd. Zailani Mohd. Yusof dan Ketua Jabatan Pendidikan, Prof. Madya Dr. Yahya Don.

Akhirnya, ucapan terima kasih untuk Dato' Prof. Dr. Mahmood Nazar Mohamed, Prof. Madya Dr. Mohamad Hashim Othman, Dr. Nik Rosila Yaacob, Prof. Dr. Kamarulzaman Kamaruddin, Tengku Shahrudin, Tengku Nahzatul Shifa, Prof. Madya Dr. Yaakob Daud, Dr. Abd. Latif Kasim, Tuan Haji Abu Hassan Othman, Encik Mohd. Erfy Ismail, Encik Nizamuddin Razali dan Encik Wan Hussain Wan Nawang. Segala kebaikan hanya Allah jua yang membalasnya.

Muhamad Dzahir Kasa
Universiti Sains Malaysia
2014.

## JADUAL KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| Penghargaan | | ii |
| Isi Kandungan | | iii |
| Senarai Jadual | | xiii |
| Senarai Rajah | | xxii |
| Abstrak | | xxiii |
| Abstract | | xxv |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | |
| 1.1 | Pendahuluan. | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 | Penyataan Masalah | 5 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 9 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 10 |
| 1.6 | Hipotesis Kajian | 12 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.8 | Definisi Operasional | 15 |
| | 1.8.1 Etika Akademik | 15 |
| | 1.8.2 Kompetensi Moral | 16 |
| | 1.8.3 Amalan Etika Akademik | 16 |
| | 1.8.4 Pensyarah | 16 |
| | 1.8.5 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) | 17 |
| 1.9 | Limitasi Kajian | 17 |

1.9.1 Skop 17

1.9.2 Metodologi 18

1.9.3 Dapatan 19

1.10 Kesimpulan 19

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan 20

2.2 Kompetensi Moral. 20

2.3 Model Empat Komponen Perlakuan Moral 28

2.4 Kajian-Kajian Lepas Tentang Kompetensi Moral 34

2.5 Kompetensi Moral Dan Perlakuan Beretika 38

2.6 Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Demografi 43

2.6.1 Umur. 43

2.6.2 Jantina. 44

2.6.3 Tahap Kelulusan 45

2.6.4 Bangsa 46

2.6.5 Status Perkahwinan 50

2.7 Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Beban Tugas 51

2.7.1 Jumlah Kelas, Kursus Dan Pelajar 51

2.8 Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Tugas Profesional 53

2.8.1 Penerbitan 53

2.8.2 Bidang Pengajaran 54

2.9 Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Di Universiti 55

2.9.1 Latihan 55

2.9.2 Jawatan 56

2.9.3 Kod Etika Akademik 57

2.10 Amalan Etika Akademik Pensyarah 58

2.11 Isu-isu Dalam Amalan Etika Akademik 59

2.12 Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Demografi 62

2.12.1 Umur 62

2.12.2 Jantina 64

2.12.3 Bangsa 65

2.12.4 Tahap Kelulusan 68

2.12.5 Status Perkahwinan 68

2.13 Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Beban Tugas, Jumlah Kelas, Kursus dan Pelajar 69

2.14 Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Tugas Profesional 70

2.14.1 Minat Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan 70

2.14.2 Penerbitan 70

2.14.3 Bidang Pengajaran 71

2.15 Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Di Universiti 71

2.15.1 Latihan Etika. 71

2.15.2 Jawatan Akademik 72

2.15.3 Kod Etika Akademik. 73

2.15.4 Tempoh Mengajar 73

2.16 Hubungan Antara Kompetensi Moral Dengan Amalan Etika Akademik 73

2.17 Hubungan Antara Tahap Kompetensi Moral Dengan Amalan Etika Akademik Berdasarkan Demografi 74

2.17.1 Umur 74

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.17.2 | Jantina | 75 |
| | 2.17.3 | Bangsa | 75 |
| | 2.17.4 | Tahap kelulusan | 76 |
| | 2.17.4 | Status Kahwin | 77 |
| 2.18 | Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Beban Tugas | | 78 |
| 2.19 | Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Tugas Profesional | | 79 |
| 2.20 | Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Di Universiti | | 79 |
| | 2.20.1 | Latihan Etika | 79 |
| | 2.20.2 | Jawatan Pensyarah | 80 |
| | 2.20.3 | Kod Etika Akademik | 81 |
| | 2.20.4 | Tempoh Mengajar | 81 |
| 2.21 | Hubungkait Moral, Etika Dan Kompetensi Moral | | 81 |
| 2.22 | Model-Model Utama Mendasari Kajian | | 86 |
| 2.23 | Kerangka Teori Kajian | | 88 |
| | 2.23.1 | Teori Kompetensi Moral | 88 |
| | 2.23.2 | Teori Dua Aspek Kompetensi Pertimbangan Moral | 92 |
| | 2.23.3 | Teori Perkembangan Moral Kohlberg | 93 |
| 2.24 | Model–Model Membuat Keputusan Beretika | | 95 |
| 2.25 | Perlakuan Melanggar Norma Dalam Profesion Pensyarah Khususnya Pengajaran | | 100 |
| 2.26 | Kerangka Konsep Kajian | | 111 |
| 2.27 | Kesimpulan | | 113 |

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**


| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Pengenalan | 114 |
| 3.2 | Etika Penyelidikan Yang Dipatuhi | 114 |
| 3.3 | Rekabentuk Kajian | 117 |
| 3.4 | Pembolehubah Kajian | 120 |
| 3.5 | Populasi Dan Sampel Kajian | 120 |
| 3.5.1 | Populasi Kajian | 120 |
| 3.5.2 | Teknik Persampelan | 120 |
| 3.5.2 (a) | Pemilihan Universiti | 120 |
| 3.5.2 (b) | Pemilihan Pensyarah | 122 |
| 3.5.2 (c ) | Sampel Pelajar | 123 |
| 3.5.2 (d) | Sampel Temubual | 123 |
| 3.6 | Instrumen Dan Cara Pemarkatan | 124 |
| 3.6.1 | *Moral Judgement Test* (MJT) | 125 |
| 3.6.2 | *College Teaching Behavior Inventory* (CTBI) | 126 |
| 3.6.3 | Instrumen Persepsi Pelajar Terhadap Tingkah Laku Pengajaran Di Kolej Dan Cara Pemarkatan | 127 |
| 3.7 | Instrumen Kajian Kaedah Kualitatif | 128 |
| 3.8 | Terjemahan Soal Selidik (*Backtranslation*) | 129 |
| 3.9 | Kesahan Soal Selidik Kajian | 130 |
| 3.10 | Analisis Data | 133 |
| 3.10.1 | Prosedur Analisis Data Kualitatif | 133 |
| 3.10.2 | Analisis Kebolehpercayaan Dan Kesahan Data Kualitatif | 135 |

3.11 Penyediaan Data Sebelum Analisis 136

3.12 Ujian Rintis 137

3.12.1 Maklumat Deskriptif Instrumen 138

3.12.2 Kebolehpercayaan Instrumen 138

3.12.3 Analisis Kesahan Instrumen 139

3.13 Kesimpulan 155

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 156

4.2 Maklumat Asas Pensyarah Kajian 156

4.3 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Amalan Etika Akademik Dengan Demografi 161

4.4 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Amalan Etika Akademik Dengan BebanTugas 164

4.5 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Amalan Etika Akademik Dengan Tugas Profesional 166

4.6 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Amalan Etika Akademik Dengan Pengalaman Di Universiti 170

4.7 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Kompetensi Moral Dengan Demografi 172

4.8 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Kompetensi Moral Dengan BebanTugas 175

4.9 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Kompetensi Moral Dengan Tugas Profesional 177

4.10 Analisis Deskriptif Kaitan Variabel Tahap Kompetensi Moral Dengan Pengalaman Di Universiti 181

4.11 Analisis Mengenai Hubungan Aspek Afektif Dan Kognitif Dalam Kalangan Pensyarah Kajian 184

4.12 Maklumat Asas Demografi Pelajar 186

4.13 Analisis Inferensi 189

4.13.1 Kompetensi Moral Dan Kaitannya Dengan Demografi 190

4.13.2 Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Beban Tugas 195

4.13.3 Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Tugas Profesional 200

4.13.4 Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Di Universiti 208

4.13.5 Amalan Etika Akademik Berdasarkan Demografi 211

4.13.6 Amalan Etika Akademik Berdasarkan Beban Tugas 216

4.13.7 Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tugas Profesional 221

4.13.8 Amalan Etika Akademik Berdasarkan Pengalaman Di Universiti 229

4.13.9 Hubungan Antara Kompetensi Moral Dengan Amalan Etika Akademik 234

4.13.10 Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Demografi 236

4.13.11 Pegaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Beban Tugas 242

4.13.12 Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tugas Profesional 246

4.13.13 Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Pengalaman Di Universiti 251

4.13.14 Hubungan Di Antara Dimensi Etika Akademik Berdasarkan Persepsi Pensyarah Dan Pelajar 256

4.13.15 Perbezaan Amalan Etika Akademik Berdasarkan Pengesahan Daripada Pensyarah Dan Pelajar 260

4.13.16 Dapatan Data Kualitatif Pensyarah. 262

4.13.17 Dapatan Data Kualitatif Pelajar 270

4.14 Kesimpulan 272

**BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN DAN RUMUSAN**

5.1 Pengenalan 274

5.2 Dapatan Dan Perbincangan. 274

5.2.1 Tahap Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Demografi Iaitu Jantina, Umur, Bangsa, Tahap Kelulusan Dan Status Perkahwinan Pensyarah. 274

5.2.2 Tahap Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Beban Tugas Iaitu Jumlah Kelas, Jumlah Kursus Yang Berbeza Dan Jumlah Pelajar 277

5.2.3 Tahap Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Tugas Profesional Iaitu Minat Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan, Penerbitan Dan Bidang Pengajaran Oleh Pensyarah 278

5.2.4 Tahap Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Di Universiti Iaitu Tempoh Mengajar, Jawatan Akademik, Ada Atau Tiada Kod Etika Akademik Dan Pernah Mengikuti Atau Tidak Latihan Etika Akademik Oleh Pensyarah 281

5.2.5 Tahap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Demografi Iaitu Jantina, Umur, Ras, Tahap Kelulusan Dan Status Perkahwinan Pensyarah 284

5.2.6 Tahap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Beban Tugas Iaitu Jumlah Kelas, Jumlah Kursus Yang Berbeza Dan Jumlah Pelajar 285

5.2.7 Tahap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Tugas Profesional Iaitu Minat Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan, Penerbitan Dan Bidang Pengajaran Oleh Pensyarah. 286

5.2.8 Tahap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Di Universiti Iaitu Tempoh Mengajar, Jawatan Akademik, Ada Atau Tiada Kod Etika Akademik Dan Pernah Mengikuti Atau Tidak Latihan Etika Akademik Oleh Pensyarah. 288

5.2.9 Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Demografi Iaitu Jantina, Umur, Ras, Tahap Kelulusan Dan Status Perkahwinan Pensyarah. 289

5.2.10 Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Beban Tugas Iaitu Jumlah Kelas, Jumlah Kursus Yang Berbeza Dan Jumlah Pelajar 291

5.2.11 Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Tugas Profesional Iaitu Minat Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan, Penerbitan Dan Bidang Pengajaran Oleh Pensyarah 292

5.2.12 Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Di Universiti Iaitu Tempoh Mengajar, Jawatan Akademik, Ada Atau Tiada Kod Etika Akademik Dan Pernah Mengikuti Atau Tidak Latihan Etika Akademik Oleh Pensyarah. 293

5.3 Hubungan Di Antara Tahap Kompetensi Moral Dengan Amalan Etika Akademik 294

5.4 Tahap Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Persepsi Pensyarah Dan Pelajar Serta Pengesahan Dari Data Kuantitatif Dan Kualitatif Pensyarah Dan Pelajar Terhadap Amalan Etika Akademik 295

5.5 Implikasi Kajian 297

5.5.1 Implikasi Kepada Teori dan Model 297

5.5.2 Implikasi Kepada Penyelidikan 299

5.5.3 Implikasi Kepada Pengamal 304

5.6 Cadangan Untuk Kajian Pada Masa Hadapan 305

5.7 Kesimpulan 307

**RUJUKAN** 309

**LAMPIRAN**


| | | |
|---|---|---|
| Lampiran A | Senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Dan Tahun Penubuhannya Sehingga 2007 | 344 |
| Lampiran B | Bilangan Staf Akademik IPTA Mengikut Jawatan Dan Jantina | 345 |
| Lampiran C | Soal Selidik Amalan Etika Akademik Pensyarah IPTA Dan Hubungannya Dengan Kompetensi Moral Untuk Pensyarah. | 346 |
| Lampiran D | Soal Selidik Amalan Etika Akademik Pensyarah IPTA Dan Hubungannya Dengan Kompetensi Moral Untuk Pelajar. | 363 |
| Lampiran E | Soalan Temubual Untuk Pelajar | 376 |
| Lampiran F | Soalan Temubual Untuk Pensyarah. | 378 |
| Lampiran G | Jadual Keputusan Analisis Faktor Pengesahan Pemuatan Faktor Inventori Tingkah Laku Pengajaran Di Kolej (CTBI) | 382 |
| Lampiran H | Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di IPTA | 394 |
| Lampiran I | Surat Pengenalan Diri (Pelajar Rancangan Ijazah Tinggi) | 395 |

## SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 2.1 | Ringkasan Tahap Perkembangan Moral Kohlberg Berdasarkan Colby Dan Kohlberg (1987) | 27 |
| Jadual 2.2 | Model Empat Komponen Perlakuan Moral James Rest | 33 |
| Jadual 2.3 | Prinsip-Prinsip Agama Dan Norma Tradisi Dan Nilai Yang Digunakan Dalam Penaakulan Moral Dalam Kalangan Remaja Melayu | 46 |
| Jadual 3.1 | Persampelan Berstrata Yang Seimbang (*Proportional Stratified Sampling*) Untuk Pensyarah Dan Pelajar Berdasarkan Universiti | 124 |
| Jadual 3.2 | Instrumen Kajian Untuk Dijawab Oleh Pensyarah | 125 |
| Jadual 3.3 | Instrumen Kajian Untuk Dijawab Oleh Pelajar | 128 |
| Jadual 3.4 | Andaian-Andaian Yang Perlu Dipenuhi Sebelum Menganalisis Data Statistik Inferensi. | 137 |
| Jadual 3.5 | Maklumat Deskriptif Instrumen | 138 |
| Jadual 3.6 | *Cronbach Alpha* Untuk Soal Selidik Inventori Tingkahlaku Pengajaran Di Kolej (CTBI) | 139 |
| Jadual 3.7 | *Cronbach Alpha* untuk Soal Selidik Persepsi Pelajar Terhadap Tingkah Laku Pengajaran Di Kolej (PTLP) | 140 |
| Jadual 3.8 | Soalan Yang Digugurkan Kerana Pemuatan Faktor Yang Rendah Untuk Soal Selidik Inventori Tingkah Laku Pengajaran Di Kolej (CTBI) Dan Soal Selidik Persepsi Pelajar Terhadap Tingkah Laku Pengajaran di Kolej (PTLP) | 142 |
| Jadual 3.9 | Keputusan Analisis Faktor Untuk Item-Item Inventori Tingkah Laku Pengajaran Di Kolej (CBTI) | 143 |
| Jadual 3.10 | Keputusan Analisis Faktor Untuk Item-Item Persepsi Pelajar Terhadap Tingkah Laku Pengajaran di Kolej (PTLP) | 148 |
| Jadual 3.11 | Korelasi Antara Markat Keseluruhan Dan Domain-Domain Inventori Tingkah Laku Pengajaran Di Kolej (CTBI) Dan Kompetensi Pertimbangan Moral (MJT) | |

| | | |
|---|---|---|
| | | 154 |
| Jadual 4.1 | Maklumat Demografi Pensyarah | 157 |
| Jadual 4.2 | Maklumat Beban Tugas Pensyarah | 158 |
| Jadual 4.3 | Maklumat Tugas Profesional | 159 |
| Jadual 4.4 | Maklumat Pengalaman Pensyarah | 161 |
| Jadual 4.5 | Amalan Etika Akademik Berdasarkan Umur | 162 |
| Jadual 4.6 | Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jantina | 163 |
| Jadual 4.7 | Amalan Etika Akademik Berdasarkan Status Kahwin | 163 |
| Jadual 4.8 | Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tahap Kelulusan | 164 |
| Jadual 4.9 | Amalan Etika Akademik Berdasarkan Bilangan Kelas Yang Diajar | 164 |
| Jadual 4.10 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Bilangan Kursus Yang Berbeza Diajar Dalam Setahun. | 165 |
| Jadual 4.11 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Anggaran Jumlah Pelajar Sarjana Muda Yang Mendaftar Untuk Kursus Yang Diajar | 166 |
| Jadual 4.12 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Minat Terhadap Penyelidikan Dan Pengajaran | 167 |
| Jadual 4.13 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Jurnal Yang Diterbitkan | 168 |
| Jadual 4.14 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Buku Yang Diterbitkan | 168 |
| Jadual 4.15 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Monograf Yang Diterbitkan | 169 |
| Jadual 4.16 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Bidang Pengajaran | 169 |
| Jadual 4.17 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Jawatan Dalam Fakulti | 170 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.18 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Tempoh Mengajar | 170 |
| Jadual 4.19 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Kod Etika Profesion Pensyarah Yang Terdapat Di Universiti | 171 |
| Jadual 4.20 | Amalan Etika Akademik Pensyarah Berdasarkan Latihan Mengenai Etika Profesion Pensyarah Yang Diikuti | 171 |
| Jadual 4.21 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Jantina | 172 |
| Jadual 4.22 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Ras | 173 |
| Jadual 4.23 | Komnpetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Umur | 174 |
| Jadual 4.24 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Status Kahwin | 174 |
| Jadual 4.25 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Tahap Kelulusan | 175 |
| Jadual 4.26 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Kursus Yang Berbeza | 175 |
| Jadual 4.27 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Anggaran Jumlah Pelajar Sarjana Muda Yang Mendaftar Untuk Kursus-Kursus Yang Diajar. | 176 |
| Jadual 4.28 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Bilangan Kelas Yang Diajar | 177 |
| Jadual 4.29 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Bidang Pengajaran | 178 |
| Jadual 4.30 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Minat Terhadap Penyelidikan Dan Pengajaran | 179 |
| Jadual 4.31 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Jurnal Yang Diterbitkan Sejak Tiga Tahun Kebelakangan | 179 |
| Jadual 4.32 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Buku Yang Diterbitkan Sejak Tiga Tahun Kebelakangan | 180 |
| Jadual 4.33 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Monograf Yang Diterbitkan Sejak Tiga Tahun Kebelakangan | 181 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.34 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Jawatan Pensyarah Dalam Fakulti | 182 |
| Jadual 4.35 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Tempoh Mengajar | 182 |
| Jadual 4.36 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Kod Etika Profesion Pensyarah Yang Terdapat Di Universiti | 183 |
| Jadual 4.37 | Kompetensi Moral Pensyarah Berdasarkan Latihan Mengenai Etika Profesion Pensyarah Yang Diikuti | 183 |
| Jadual 4.38 | Maklumat Demografi Pelajar | 187 |
| Jadual 4.39 | Semester Dan Bidang Pengajian Pelajar | 188 |
| Jadual 4.40 | Pendedahan Pelajar Terhadap Kod Etika Akademik | 189 |
| Jadual 4.41 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jantina. | 190 |
| Jadual 4.42 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) SehalaTahap Kompetensi Moral Berdasarkan Umur | 191 |
| Jadual 4.43 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Umur Pensyarah | 191 |
| Jadual 4.44 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Ras | 193 |
| Jadual 4.45 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Ras Pensyarah | 194 |
| Jadual 4.46 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Tahap Kelulusan | 194 |
| Jadual 4.47 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Status Perkahwinan | 195 |
| Jadual 4.48 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jumlah Kelas Yang Diajar Oleh Pensyarah | 196 |
| Jadual 4.49 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jumlah Kelas Yang Diajar Oleh Pensyarah | 196 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.50 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jumlah Kursus Yang Diajar Oleh Pensyarah | 197 |
| Jadual 4.51 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jumlah Kursus Yang Diajar Oleh Pensyarah | 198 |
| Jadual 4.52 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jumlah Pelajar Yang Mendaftar Kursus Yang Diajar Oleh Pensyarah | 199 |
| Jadual 4.53 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jumlah Pelajar Yang Mendaftar Kursus Yang Diajar Oleh Pensyarah | 200 |
| Jadual 4.54 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Minat Responden Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan. | 201 |
| Jadual 4.55 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Minat Responden Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan. | 202 |
| Jadual 4.56 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Penerbitan Pensyarah | 203 |
| Jadual 4.57 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Penerbitan Pensyarah Dalam Tempoh Tiga Tahun | 204 |
| Jadual 4.58 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Bidang Pengajaran Pensyarah | 206 |
| Jadual 4.59 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Bidang Pengajaran Pensyarah | 207 |
| Jadual 4.60 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tempoh Mengajar | 208 |
| Jadual 4.61 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Jawatan Akademik | 209 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.62 | Ujian - t Ke Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Kod Etika Akademik Ada Atau Tiada Di Universiti Pensyarah Mengajar | 209 |
| Jadual 4.63 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Kompetensi Moral Berdasarkan Latihan Etika Akademik | 210 |
| Jadual 4.64 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jantina | 211 |
| Jadual 4.65 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Tahap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Umur Pensyarah | 212 |
| Jadual 4.66 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Umur Pensyarah | 213 |
| Jadual 4.67 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Bangsa . | 214 |
| Jadual 4.68 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tahap Kelulusan | 215 |
| Jadual 4.69 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Tahap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Status Perkahwinan | 216 |
| Jadual 4.70 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jumlah Kelas Yang Diajar Oleh Pensyarah | 217 |
| Jadual 4.71 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jumlah Kelas Yang Diajar Oleh Pensyarah | 217 |
| Jadual 4.72 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jumlah Kursus Berbeza Yang Diajar Oleh Pensyarah | 218 |
| Jadual 4.73 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jumlah Kursus Berbeza Yang Diajar Oleh Pensyarah | 219 |
| Jadual 4.74 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jumlah Pelajar Yang Mendaftar Kursus Pensyarah Mengajar. | 220 |
| Jadual 4.75 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jumlah Pelajar Yang Mendaftar Kursus Yang Diajar Oleh Pensyarah | 221 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.76 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Minat Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan | 222 |
| Jadual 4.77 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Tahap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Minat Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan | 222 |
| Jadual 4.78 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Penerbitan Oleh Pensyarah | 224 |
| Jadual 4.79 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Penerbitan Oleh Pensyarah | 224 |
| Jadual 4.80 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Bidang Pengajaran Pensyarah | 228 |
| Jadual 4.81 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Bidang Pengajaran Pensyarah | 229 |
| Jadual 4.82 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tempoh Mengajar | 230 |
| Jadual 4.83 | Keputusan Ujian Post-Hoc Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tempoh Mengajar | 231 |
| Jadual 4.84 | Keputusan Ujian Analisis Varian (ANOVA) Sehala Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jawatan Akademik Pensyarah | 232 |
| Jadual 4.85 | Keputusan Ujian Post-Hoct Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jawatan Akademik Pensyarah | 232 |
| Jadual 4.86 | Keputusan Ujian- t Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Kod Etika Akademik Yang Terdapat Di Universiti Pensyarah | 233 |
| Jadual 4.87 | Keputusan Ujian-t Ke Atas Amalan Etika Akademik Berdasarkan Latihan Etika | 234 |
| Jadual 4.88 | Keputusan Analisis Korelasi Di Antara Dimensi Amalan Etika Akademik Dengan Kompetensi Moral. | 235 |
| Jadual 4.89 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jantina | 237 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.90 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Umur | 238 |
| Jadual 4.91 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Bangsa | 239 |
| Jadual 4.92 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tahap Kelulusan | 240 |
| Jadual 4.93 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Status Perkahwinan | 241 |
| Jadual 4.94 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jumlah Kelas Yang Diajar Dalam Tempoh Setahun Dalam Kalangan Pensyarah. | 242 |
| Jadual 4.95 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Pensyarah Mengajar Jumlah Kursus Berbeza Dalam Setahun | 243 |
| Jadual 4.96 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Bilangan Pelajar Yang Mendaftar Dalam Kursus Yang Diajar Oleh Pensyarah. | 245 |
| Jadual 4.97 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Minat Terhadap Pengajaran Dan Penyelidikan Dalam Kalangan Pensyarah. | 246 |
| Jadual 4.98 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Penerbitan Untuk Tempoh Tiga Tahun Dalam Kalangan Pensyarah . | 248 |
| Jadual 4.99 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Bidang Pengajaran Dalam Kalangan Pensyarah | 250 |
| Jadual 4.100 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Tempoh Mengajar Dalam Kalangan Pensyarah | 252 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.101 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Jawatan Dalam Akademik | 253 |
| Jadual 4.102 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Kod Etika Akademik Yang Terdapat Di Universiti Dalam Kalangan Pensyarah | 254 |
| Jadual 4.103 | Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Kompetensi Moral Terhadap Amalan Etika Akademik Berdasarkan Latihan Etika | 255 |
| Jadual 4.104 | Jadual Korelasi Di Antara Dimensi Amalan Etika Akademik Berdasarkan Persepsi Pensyarah Dan Pelajar | 257 |
| Jadual 4.105 | Perbezaan Min Persepsi Amalan Etika Akademik Berdasarkan Persepsi Pensyarah Dan Pelajar | 260 |

# SENARAI RAJAH


| | | |
|---|---|---|
| Rajah 2.1 | Teori Model Dua Aspek | 87 |
| Rajah 2.2 | Model Kompetensi Pertimbangan Moral Berdasarkan Kohlberg | 91 |
| Rajah 2.3 | Model Interaksi Membuat Keputusan Beretika Dalam Organisasi oleh Trevino (1986). | 96 |
| Rajah 2.4 | Model Kontigensi Membuat Keputusan Oleh Ferrel dan Gresham (1986) Dalam Pemasaran | 98 |
| Rajah 2.5 | Kerangka Konsep Kajian | 111 |
| Rajah 3.1 | Prosedur Kaedah Gabungan (*Mixed Methode Procedure)* Creswell | 119 |
| Rajah 3.2 | Persampelan Pelbagai Peringkat Dan Persampelan Berstarata Seimbang Untuk Pemilihan Universiti Dan Pensyarah. | 121 |
| Rajah 4.1 | Aspek Afektif Dan Kognitif Adalah Selari | 184 |
| Rajah 4.2 | Min Kecenderungan Pensyarah Terhadap Tahap Perkembangan Moral Kohlberg. | 185 |
| Rajah 4.3 | MJT Aspek: Min Kecenderungan Tahap Orientasi Mengikut Bidang Pengkhususan | 186 |
| Rajah 4.4 | Perbandingan Min Amalan Etika Berdasarkan Persepsi Pensyarah dan Pelajar | 262 |
| Rajah 5.1 | Ringkasan Dapatan Kajian Hubungan Kompetensi Moral Dengan Amalan Etika Akademik Berdasarkan Faktor Demografi, Beban Tugas, Tugas Profesional Dan Pengalaman Di Universiti. | 302 |
| Rajah 5.2 | Ringkasan Dapatan Kajian Pengaruh Kompetensi Moral Dengan Amalan Etika Akademik Berdasarkan Faktor Demografi, Beban Tugas, Tugas Profesional Dan Pengalaman Di Universiti. | 303 |

**KOMPETENSI MORAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN ETIKA AKADEMIK DALAM KALANGAN PENSYARAH**

## ABSTRAK

Kajian kompetensi moral dan hubungannya dengan amalan etika akademik pensyarah di universiti awam bertujuan untuk mengenal pasti hubungan kompetensi moral dan amalan etika akademik dengan merujuk kepada faktor demografi (jantina, umur, bangsa, status perkahwinan dan tahap kelayakan), beban tugas (jumlah kelas, jumlah kursus yang berbeza dan jumlah pelajar), tugas professional (minat terhadap pengajaran dan penyelidikan, penerbitan dan bidang pengajaran), pengalaman profesional di universiti (tempoh mengajar, jawatan akademik, kod etika dan latihan). Kajian juga mengenal pasti pengaruh kompetensi moral terhadap hubungan faktor demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti dengan amalan etika akademik. Kajian menggunakan sampel seramai 179 orang pensyarah dan seramai 310 orang pelajar yang melibatkan empat buah universiti awam di pantai barat Semenanjung Malaysia sahaja. Kajian menggunakan kaedah gabungan (*mixed methode*) dan strategi kutipan data yang digunakan ialah *sequential explanatory strategy* (Creswell, 2003). Maklumat kajian dikutip menggunakan soal selidik kajian *College Teaching Behavior Inventory* (Braxton & Bayer, 2003) dan *Moral Judgment Test* (Lind, 2000). Kajian ini adalah untuk mengisi jurang kajian iaitu amalan etika akademik dipengaruhi oleh kompetensi moral pensyarah di samping faktor demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti. Kajian juga untuk mengenal pasti hubungan amalan etika akademik dengan kompetensi moral pensyarah berdasarkan persepsi

pensyarah dan pelajar. Akhirnya, kajian bertujuan untuk mendapatkan pengesahan mengenai status amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah berdasarkan temu bual kumpulan fokus pensyarah dan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan amalan etika akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kompetensi moral pensyarah. Amalan pengajaran yang melanggar etika akademik ialah memberi komen yang negatif terhadap pelajar, pensyarah mengelak dari ketidakselesaan, kursus dan komunikasi yang kurang baik, skop pengajaran yang sempit, tidak membuat persediaan mengajar, pensyarah tidak bermoral dan menggunakan markah untuk menghukum pelajar. Berdasarkan persepsi pensyarah dan pelajar, amalan pengajaran yang melanggar etika akademik oleh pensyarah tidaklah dianggap serius sehinggakan memerlukan campur tangan fakulti secara rasmi untuk mengatasinya. Lazimnya, amalan yang melanggar etika akdemik tersebut diabaikan oleh pelajar. Kompetensi moral dan amalan etika akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti. Akhirnya, dapatan kajian menunjukkan kompetensi moral mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap hubungan di antara faktor demografi, beban tugas dan tugas profesional dengan amalan etika akademik.

**MORAL COMPETENCY AND ACADEMIC ETHICAL PRACTICES AMONG LECTURERS**

## ABSTRACT

The study of moral competency and its relationship to academic ethics among lecturers in public universities is to identify the relationship of moral competence and academic ethics with respect to demographic factors (gender, age, race, marital status and level of qualification), work load (number of classes, the number of courses different and the number of students), professional job (teaching and research interests, publications and teaching), professional experience at the university (teaching period, academic positions, code of ethics and training). The study also identified the influence of moral competence on the relationship between demographic factors, work load, and professional work experience at the university with academic ethics. The study employed a sample of 179 lecturers and 310 students which involved four public universities on the west coast of Peninsular Malaysia. The study embarks on a mixed method data collection and the explanatory sequential strategy (Creswell, 2003). Survey information collected using a questionnaire based on College Teaching Behavior Inventory (Braxton & Bayer, 2003) and Moral Judgment Test (Lind, 2000). This study is to answer the research gap on whether academic ethics are influenced by moral competence of lecturers in addition to demographic factors, work load, professional duty and experience at the university. The aim of the study is also to determine the relationship of academic ethics with moral competence of lecturers from students prespectives. Finally, the study aims to verify the status of academic ethics among lecturers based on focus group interviews of lecturers

and students. The results showed academic ethics has a significant relationship with the level of moral competence of lecturers. Examples of teaching practices in violation of academic ethics are  negative comment on the students, lecturers avoid discomfort, courses and poor communication, teaching scope is narrow, do not prepare lesson plans, lecturers immorality and use marks to punish students. Based on the perception of lecturers and students, instructional practices that violate academic ethics by lecturers is not considered serious that requires intervention from faculty for improvement. Often, practices that violate the ethics academically are ignored by students. Moral competence and academic ethics has a significant relationship with demographic factors, work load, professional duty and experience at the university. Finally, this study showed that moral competence have significant effects on the relationship between demographic factors, work load and professional duty with academic ethics.

# BAB SATU

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Pensyarah mempunyai tanggungjawab sebagai tenaga pengajar yang berkesan di universiti. Tenaga pengajar yang berkesan ialah mengajar dan mendidik pelajar untuk menjadi seorang yang beretika. Selain itu, pensyarah pada masa yang sama juga menjadi pemikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dikemukakan oleh masyarakat (Smith, 1996). Tugas tersebut dapat dilaksanakan secara jujur sekiranya pensyarah mengamalkan nilai-nilai etika akademik. Namum begitu, salah laku etika akademik dilaporkan berlaku di universiti-universiti tempatan dan luar negara. Berdasarkan kajian Roworth (2002) dan De Russy (2003) kejadian salah laku etika akademik ialah pensyarah datang lewat ke kelas, menggunakan kata-kata yang kasar dan kurang sopan kepada pelajar, bersifat memilih kasih, menyalahguna geran penyelidikan, palagiarism, terlibat hubungan asmara dengan pelajar (dwi hubungan), gagal melaksanakan kerja-kerja pentadbiran yang diserahkan, enggan menjalankan penyelidikan dan tugas-tugas pengajaran.

Penemuan kajian Keith-Spiegel (2002) menunjukkan bahawa salah laku etika akademik pensyarah ialah tidak mengambil tindakan terhadap pelajar yang menipu, menggunakan pengukuran yang tidak sah, memberi maklumat yang palsu dalam surat sokongan pelajar dan memberi markah yang tinggi kepada pelajar tanpa mengambilkira kualiti tugasan yang disiapkan. Seterusnya, kajian oleh Morgan dan rakan-rakan (1996), menunjukkan salah laku etika akademik oleh pensyarah ialah gagal menunjukkan perlakuan yang beretika terhadap pelajar, berpura-pura bermoral

dalam fakulti dan menggunakan perkataan yang kurang manis terhadap pelajar semasa dalam kelas.

Kejadian salah laku etika akademik yang berlaku di universiti luar negara dan dalam negara merupakan masalah sejagat di universiti awam. Kejadian salah laku etika akademik di seluruh dunia menggambarkan nilai-nilai etika akademik tidak dapat diamalkan oleh segelintir pensyarah di universiti awam. Sedangkan, etika akademik berperanan sebagai garis panduan terhadap kewajipan, tugas dan perilaku pensyarah di universiti. Pensyarah sepatutnya menjadikan etika akademik sebagai panduan untuk bertingkahlaku secara bermoral dan pertimbangan untuk menilai perlakuan yang betul atau salah sewaktu menghadapi dilema etika. Perkara ini banyak ditekankan oleh universiti awam apabila menggariskan nilai etika akademik, sebagai contoh, ianya tertera dalam Panduan Etika Profesion Staf Akademik, Universiti Utara Malaysia (2005).

Kejadian salah laku etika akademik yang melibat pensyarah juga berlaku di universiti awam di Malaysia. Di antara kajian yang menunjukkan salah laku etika akademik berdasarkan kajian Mohamed Saat, Noriza Mohd. Jamal dan Aniza Othman (2004) ialah pensyarah menjalin hubungan dengan pelajar (15.8%), palagiarism dan tidak mematuhi peraturan-peraturan universiti (24.3%). Dapatan kajian juga menunjukkan pada tahun 2003, sebanyak lima orang pensyarah telah disingkirkan kerana kesalahan yang melibatkan perlakuan yang tidak beretika.

Secara khususnya etika akademik mengandungi peraturan dan ketetapan yang telah dipersetujui oleh komuniti akademik (Shils, 1983, 2008). Peraturan dan ketetapan ini mengandungi nilai-nilai etika akademik yang bersifat sebagai panduan arah kepada pensyarah mengenai perlakuan yang bermoral terhadap pelajar, rakan sekerja dan universiti. Etika akademik menjadi panduan kepada pensyarah untuk

menyelesaikan dilema etika dalam memilih perlakuan yang bermoral semasa menghadapi konflik kepentingan peribadi dalam profesion. Situasi sedemikian memerlukan pensyarah merujuk nilai-nilai etika akademik supaya perlakuan pensyarah tersebut tidak bercanggah dengan nilai-nilai etika akademik (Haines, Street & Haines, 2007).

Keupayaan pensyarah mengamalkan nilai-nilai etika akademik dan berkelakuan secara beretika bergantung kepada tahap kompetensi moral. Pensyarah yang mempunyai tahap kompetensi moral yang tinggi juga mempunyai hubungan dengan pematuhan terhadap nlai-nilai etika akademik (Haines, Street & Haines, 2007).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Salah laku etika akademik dapat diatasi sekiranya pensyarah mempunyai kompetensi moral yang tinggi serta dapat mengaplikasikan nilai-nilai etika yang terkandung dalam kod etika akademik. Pensyarah yang mempunyai tahap kompetensi moral yang tinggi akan membuat keputusan yang beretika, berkelakuan secara bermoral, berlaku adil terhadap pelajar, rakan sekerja dan tugas (Bersoff & Koeppl, 1993; Keith-Spiegel & Koocher, 1985).

Seterusnya, salah laku etika akademik dapat dihindari oleh pensyarah kerana kod etika akademik mengandungi empat prinsip asas iaitu yang pertama memberi autonomi yang bermakna iaitu memberi kebebasan kepada pelajar dalam menentukan arah tuju hidupnya sendiri berdasarkan keputusan rasional yang dibuat. Tujuannya supaya pelajar tidak terlalu bergantung kepada pensyarah untuk menentukan hala tuju hidupnya. Prinsip kedua, etika akademik ialah kesejahteraan (*beneficence)* iaitu setiap pensyarah perlu memberi kesejahteraan kepada pelajar

dengan cara membimbingnya dalam pelajaran dan tingkahlaku supaya pelajar bermoral. Prinsip ketiga ialah tidak memberi kemudaratan (*nonmaleficence)* kepada pelajar iaitu pensyarah perlu memastikan setiap keputusan akademik yang dibuat mengenai pelajarnya tidak mempunyai niat sama ada secara sengaja atau tidak sengaja untuk mendatangkan risiko kemudaratan kepada pelajar. Prinsip terakhir ialah keadilan (*justice*) iaitu pensyarah perlu menghormati dan melindungi hak pelajar, hak sivil dan mengelak diskriminasi pelajar dalam tugasnya.

Peranan pensyarah dan universiti juga untuk menerapkan nilai-nilai moral dalam kehidupan pelajar. Oleh itu, pensyarah perlu mempamerkan kesarjanaan dan mengamalkan etika akademik dalam profesion mereka (Roworth, 2002). Sehubungan itu, pensyarah perlu menjadikan etika akademik sebagai panduan tingkah laku yang beretika supaya dapat menjadi contoh kepada pelajar (Baumgarten, 1982).

Terdapat segelintir pensyarah gagal mengamalkan nilai-nilai etika akademik dalam profesion, menyebabkan mereka melakukan salah laku etika akademik seperti selalu datang lewat ke kelas. Keadaan ini berlaku kerana pensyarah tidak mempunyai kompetensi moral dalam mengaplikasikan nilai-nilai etika akademik untuk membimbing tingkah laku supaya beretika.

Pensyarah juga menjadikan pengalaman sebagai panduan dalam membuat keputusan moral untuk memilih perlakuan betul atau salah sewaktu menghadapi dilema etika dalam tugas seharian mereka. Kesannya, pensyarah beranggapan etika akademik hanya dirujuk apabila terdapat kes salah laku etika akademik oleh rakan sekerja sahaja. Tambahan lagi, sesetengah pensyarah menganggap etika akademik sebagai peraturan yang direkabentuk untuk menjadi panduan dalam membuat keputusan untuk menyingkirkan pensyarah yang tidak mematuhi nilai-nilai etika akademik (Keith-Spiegel & Koocher, 1985; Bennet et. al, 1990).

Bagi kalangan ahli akademik, kod etika akademik telah diperkenalkan oleh setiap universiti awam di Malaysia. Kod etika akademik berperanan sebagai panduan untuk perlakuan beretika dalam bidang tugas seperti pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan pembangunan komersialisme. Pensyarah yang mengamalkan etika akademik sudah tentu akan memberi kebaikan kepada universiti iaitu meningkatkan tanggungjawab moral dalam melaksanakan tugas.

Penyelidikan etika akademik turut dikaji oleh Narayanasamy dan Shetty (2008). Mereka telah menjalankan kajian amalan etika akademik di universiti swasta yang terdapat di Malaysia. Dapatan kajian juga menunjukkan salah laku etika akademik iaitu pensyarah mempunyai kepakaran yang rendah terhadap kursus yang diajar. Pensyarah memberi jawapan kepada pelajar yang tidak bersandarkan kepada kepakaran, dan pensyarah tidak mempraktik nilai-nilai etika akademik dalam profesion mereka.

Salah laku etika akademik pensyarah secara umumnya akan memberi kesan negatif terhadap bidang pengajaran dan penyelidikan di universiti (Knight & Auster, 1999; Scriven, 1982). Salah laku etika akademik oleh pensyarah mempunyai hubungan dengan kompetensi moral pensyarah (Lind, 2000). Di Malaysia, kegagalan segelintir pensyarah mengamalkan nilai-nilai etika akademik memerlukan penelitian terhadap kompetensi moral dalam kalangan pensyarah. Pensyarah yang gagal mengamalkan nilai-nilai etika akademik menyebabkan profesion pensyarah menjadi tumpuan kritikan oleh masyarakat (Knight & Auster, 1999; Scriven, 1982).

## 1.3 Pernyataan Masalah

Amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah mempunyai hubungan dengan kompetensi moral. Pensyarah yang mempunyai kompetensi moral yang

tinggi dijangkakan mempunyai keupayaan untuk memilih nilai-nilai yang beretika untuk menjadi panduan kepada perlakuan yang beretika semasa menghadapi dilema etika akademik (Zhang, 2012).

Penyelidik telah menemubual pegawai bahagian sumber manusia di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk mendapat gambaran mengenai amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah di universiti awam di Malaysia. Penyelidik dimaklumkan maklumat mengenai salah laku etika akademik adalah terhad kerana dianggap sulit dan melibatkan nama baik institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Penyelidik hanya diberikan maklumat umum hasil daripada temubual dengan pegawai sumber manusia. Maklumat yang diperolehi menunjukkan di antara jenis salah laku etika akademik dalam kalangan pensyarah di universiti awam Malaysia secara umumnya ialah tingkah laku kurang sopan, penyalahgunaan kuasa, gangguan seksual terhadap pelajar, tidak bertanggungjawab terhadap tugas, menerima hadiah, gagal mengemukakan ijazah Ph.D, meminda dokumen untuk kenaikan pangkat dan hadir seminar luar negara tanpa kebenaran universiti (Nadzatul Hilmi Abdullah, 2010).

Penyelidik juga telah menemubual pensyarah berdasarkan kumpulan fokus yang melibatkan pensyarah di universiti awam Malaysia. Dapatan dari kumpulan fokus menunjukkan salah laku etika akademik ialah penyalahgunaan kuasa terhadap rakan sekerja iaitu mengagihkan kelas dan jumlah pelajar mengikut pilih kasih (25%), memalukan pelajar dalam kelas dengan tidak memberi peluang pelajar untuk menghabiskan pembentangan tugasan (35%), menggunakan bahasa kesat terhadap pelajar yang membuat bising dalam kelas (40%) dan menyalahgunakan waktu pejabat untuk melakukan kerja-kerja peribadi (40%).

Penyelidik juga menemubual pelajar melalui kumpulan fokus di universiti berkenaan. Hasil dari temu bual menunjukkan salah laku etika akademik dalam kalangan pensyarah ialah menggunakan perkataan yang kurang sopan semasa dalam kelas untuk memarahi pelajar (15%), kelas ditamatkan lebih awal dari waktu sepatutnya (50%), pensyarah menghadiri kelas tanpa membuat persediaan yang cukup (35%) dan pensyarah memilih kasih dengan memberi markah yang tinggi kepada pelajar yang rapat dengannya sahaja (15%).

Seterusnya, penelitian terhadap isu-isu moral yang melibatkan etika di seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terdapat dalam akhbar New Strait Time (28 Ogos 2001), juga menunjukkan terdapat kes salah laku etika akademik dalam kalangan pensyarah. Salah laku etika akademik tersebut ialah dakwaan terhadap lima pensyarah yang didapati terlibat dalam aktiviti keagamaan bersifat subversif. Pensyarah membawa masuk hal-hal politik ke dalam kuliah dan menghasut pelajar untuk membenci kerajaan. Amalan tidak beretika seperti yang dilaporkan tersebut adalah bertentangan dengan nilai-nilai etika akademik. Pada tahun 2012, seorang pensyarah telah meminda dokumen Ph.Dnya untuk melayakkan mendapat jawatan sebagai perunding di agensi kerajaan (New Strait Times, 2012).

Kajian oleh Mohamed Saat, Noriza Mohd. Jamal dan Aniza Othman (2004) menunjukkan di antara salah laku etika akademik yang berlaku di universiti awam Malaysia ialah pensyarah menjalin hubungan dengan pelajar (15.8%), palagiarism dan tidak mematuhi peraturan-peraturan universiti (24.3%). Sebagai contohnya, pada tahun 2003 sebanyak lima orang pensyarah telah disingkirkan dari sebuah IPTA kerana melibatkan perlakuan tidak beretika seperti tidak mematuhi peraturan universiti.

Penyelidik mendapati kajian oleh Mohamed Saat, Noriza Mohd. Jamal dan Aniza Othman (2004) tidak memfokuskan kepada kompetensi moral dan hubungan dengan amalan etika. Kajian tersebut hanya menfokuskan kepada mengenalpasti persepsi pelajar dan pensyarah terhadap amalan etika akademik dan hubungan pensyarah dan pelajar. Kedua, kajian tersebut mengenalpasti faktor demografi yang mempengaruhi persepsi pensyarah dan pelajar terhadap amalan etika akademik. Ketiganya, mengenal pasti amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah dan keempat, mengenalpasti propensiti pensyarah untuk melakukan perlakuan yang tidak beretika. Akhirnya kajian tersebut mengenalpasti persepsi pensyarah terhadap propensiti rakan sekerja yang melakukan perlakuan tidak beretika.

Penyelidik tidak mengenalpasti hubungan kompetensi moral dengan amalan etika akademik berdasarkan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti. Kajian lepas menunjukkan kompetensi moral mempunyai hubungan dengan amalan etika akademik (Coughlan,2005; Lind, 2000;Lind, 2002). Kajian penyelidik menjurus kepada mengenal pasti hubungan dan pengaruh kompetensi moral dengan amalan etika akademik berdasarkan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti.

Salah satu faktor yang menentukan perlakuan beretika ialah kompetensi moral individu sewaktu menghadapi dilema etika dengan mengambilkira nilai-nilai etika dalam profesion akademik (Coughlan, 2005; Lind, 2000; Lind, 2002). Pensyarah yang mempunyai tahap kompetensi moral yang tinggi dijangka berkelakuan selari dengan prinsip-prinsip etika akademik. Pensyarah juga akan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas seharian mereka di universiti. Oleh itu, kajian kompetensi moral dan pengaruhnya terhadap amalan etika akademik perlu dilakukan dalam kalangan pensyarah universiti awam di Malaysia. Penyelidik

mendapati terdapat jurang yang memisahkan di antara amalan etika akademik dengan perlakuan beretika dalam kalangan pensyarah. Jurang yang memisahkan kedua-dua faktor tersebut ialah kompetensi moral. Dijangkakan jurang ini berlaku kerana individu yang mempunyai tahap kompetensi moral yang rendah sukar untuk mengaplikasikan nilai-nilai etika akademik secara konsisten dalam proses membuat keputusan dan pertimbangan untuk memilih perlakuan yang bermoral dan cenderung untuk melanggar etika akademik (Coughlan, 2005; Lind, 2000; Lind, 2002). Pensyarah yang mempunyai kompetensi moral pula akan berkelakuan secara beretika iaitu bersifat menghormati individu lain dan mengikut nilai-nilai moral sejagat (Mc Daniel, 2004; Coughlan, 2005; Lind, 2000; Lind, 2002).

Penyelidik juga mendapati pengaruh persekitaran organisasi dan individu seperti demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti juga mempengaruhi amalan etika akademik (O. Bayle, 2002; Lind & Marcia, 2010; Jones, 1991; Barlet, 2003; Leonard, Cronan, Kreie, 2004; Ferrel & Gresham, 1995). Oleh itu, kajian etika akademik pensyarah dan hubungan dengan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti serta pengaruh kompetensi moral terhadap hubungan ini perlu dilaksanakan.

## 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan kompetensi moral dengan amalan etika akademik. Secara khususnya pula, objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengkaji kompetensi moral dan amalan etika akademik dengan merujuk kepada demografi (jantina, umur, bangsa dan tahap kelulusan), beban tugas (jumlah kelas, jumlah kursus yang berbeza dan jumlah pelajar), tugas

profesional (minat terhadap pengajaran dan penyelidikan, penerbitan dan bidang pengajaran), pengalaman di universiti (jangka masa mengajar, jawatan akademik, kod etika dan latihan). Seterusnya, mengkaji hubungan kompetensi moral dengan amalan etika akademik. Mengkaji secara terperinci pengaruh kompetensi moral terhadap amalan etika akademik berdasarkan demografi (jantina, umur, bangsa dan tahap kelulusan), beban tugas (jumlah kelas, jumlah kursus yang berbeza dan jumlah pelajar), tugas profesional (minat terhadap pengajaran dan penyelidikan, penerbitan dan bidang pengajaran), pengalaman di universiti (jangka masa mengajar, jawatan akademik, kod etika dan latihan). Mengkaji hubungan amalan etika akademik pensyarah berdasarkan persepsi pensyarah dan pelajar. Membandingkan amalan etika akademik pensyarah dengan persepsi pelajar terhadap amalan etika akademik yang diamalkan oleh pensyarah.

## 1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian di atas, persoalan kajian berikut dibentuk:-

i. Apakah tahap kompetensi moral pensyarah berdasarkan demografi pensyarah (jantina, umur, bangsa pensyarah, tahap kelulusan dan status perkahwinan), beban tugas (jumlah kelas yang diajar oleh pensyarah, jumlah kursus berbeza yang diajar oleh pensyarah dan jumlah pelajar yang diajar oleh pensyarah), tugas profesional (minat pensyarah terhadap pengajaran dan penyelidikan, berdasarkan penerbitan oleh pensyarah dan bidang pengajaran oleh pensyarah), pengalaman di universiti (tempoh mengajar di universiti, jawatan akademik pensyarah, ada atau tiada kod etika akademik di universiti

pensyarah mengajar dan pernah mengikuti atau tidak latihan etika akademik oleh pensyarah)?

ii. Apakah tahap amalan etika akademik pensyarah berdasarkan demografi (jantina pensyarah, umur pensyarah, bangsa pensyarah, tahap kelulusan pensyarah dan status perkahwinan pensyarah), beban tugas (jumlah kelas yang diajar oleh pensyarah, jumlah kursus berbeza yang diajar oleh pensyarah dan jumlah pelajar yang diajar oleh pensyarah), tugas profesional (minat pensyarah terhadap pengajaran dan penyelidikan, penerbitan oleh pensyarah dan bidang pengajaran oleh pensyarah), pengalaman di universiti (tempoh mengajar di universiti, jawatan akademik, ada atau tiada kod etika akademik di universiti pensyarah mengajar dan pernah mengikuti atau tidak latihan etika akademik oleh pensyarah)?

iii. Apakah hubungan kompetensi moral dengan amalan etika akademik pensyarah?

iv. Apakah pengaruh kompetensi moral terhadap amalan etika akademik pensyarah berdasarkan demografi (jantina pensyarah, umur pensyarah, bangsa pensyarah, tahap kelulusan pensyarah dan status perkahwinan pensyarah), beban tugas (jumlah kelas yang diajar oleh pensyarah, jumlah kursus berbeza yang diajar oleh pensyarah dan jumlah pelajar yang diajar oleh pensyarah), tugas profesional (minat pensyarah terhadap pengajaran dan penyelidikan, penerbitan oleh pensyarah dan bidang pengajaran oleh pensyarah), pengalaman di universiti (tempoh mengajar di universiti, jawatan akademik pensyarah, ada atau tiada kod etika akademik di universiti pensyarah mengajar dan pernah mengikuti atau tidak latihan etika akademik oleh pensyarah)?

v. Apakah hubungan dimensi amalan etika akademik pensyarah berdasarkan persepsi pensyarah dan pelajar dari aspek

a. Bersifat autoritarian dalam kelas.

b. Kelalaian memberi nasihat kepada pelajar.

c. Menjatuhkan maruah pelajar dengan komen negatif.

d. Mengelak dari ketidakselesaan.

e. Perancangan kursus kurang baik.

f. Komunikasi yang kurang baik.

g. Pengajaran yang sempit.

h. Tidak membuat persediaan yang cukup untuk mengajar.

i. Sukatan kursus yang tidak sempurna.

j. Bersikap tidak bermoral terhadap pelajar.

k. Pengabaian terhadap pelajar.

l. Pemarkahan yang bertujuan menghukum pelajar.

m. Kerahsiaan dalam pengajaran.

n. Tidak memaklumkan maklumat kursus yang lengkap kepada pelajar.

o. Merendahkan rakan sekerja.

p. Bersikap sinis dan tidak berkerjasama.

vi. Apakah terdapat perbezaan amalan etika akademik pensyarah berdasarkan pengesahan dari data kuantitatif dan kualitatif pensyarah dan pelajar.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Merujuk kepada persoalan kajian, hipotesis nol telah dibentuk untuk menguji kebenaran dalam kajian ini.

**Hipotesis 1**

Tahap kompetensi moral pensyarah tidak berbeza berdasarkan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti

(Ho1 sehingga Ho15 Rujuk Bab 4)

**Hipotesis 2**

Tahap amalan etika akademik pensyarah tidak berbeza berdasarkan demografi, faktor beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti

(Ho 16 sehingga Ho 30 Rujuk Bab 4)

**Hipotesis 3**

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kompetensi moral dengan amalan etika akademik pensyarah.

(Ho 31 Rujuk Bab 4)

**Hipotesis 4**

Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kompetensi moral dengan amalan etika akademik berdasarkan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti?

(Ho 32 sehingga Ho 46 Rujuk Bab 4)

**Hipotesis 5**

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi pensyarah dan pelajar terhadap dimensi–dimensi amalan etika akademik pensyarah.

(Ho 47 Rujuk Bab 4)

Persolan kajian 6 iaitu apakah terdapat perbezaan amalan etika akademik pensyarah berdasarkan pengesahan daripada pensyarah dan pelajar. Persoalan kajian 6 dijawab melalui data kualitatif iaitu berdasarkan temubual kumpulan fokus pensyarah dan pelajar dan juga data kuantitatif berdasarkan soalselidik kajian.

## 1.7 Kepentingan Kajian

i. Pensyarah yang beretika dijangka mempunyai kompetensi moral dalam memilih perlakuan yang bermoral. Kajian oleh Mansbart (2001),

menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap kompetensi moral yang tinggi mempunyai keupayaan untuk memilih perlakuan bermoral dan memiliki kematangan emosi, prestasi kerja yang bagus dan kepimpinan yang demokratik. Individu yang mempunyai kompetensi moral yang rendah sukar untuk mengenal pasti dilema etika dan mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan dilema etika tersebut. Akibatnya, individu tersebut akan mengalami sindrom keletihan emosi, melanggar etika dan berada dalam tekanan emosi di tempat kerja. Kajian perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan antara amalan etika akademik dengan kompetensi moral .

ii. Dari segi praktis dapatan kajian akan menunjukkan tahap kompetensi moral dan hubungannya dengan amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah. Maklumat ini membantu universiti awam menyediakan latihan untuk meningkatkan kompetensi moral supaya dapat meningkatkan amalan etika akademik kepada pensyarah.

iii. Dapatan kajian juga dapat membantu universiti mengenal pasti profil pensyarah yang mengamalkan etika akademik atau tidak berdasarkan tahap kompetensi moral mereka. Universiti dapat mengenalpasti maklumat demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti yang mempunyai hubungan terhadap amalan etika akademik dan pengaruh kompetensi moral terhadap hubungan tersebut. Maklumat tersebut dapat diaplikasikan untuk merancang program latihan bagi meningkatkan amalan etika akademik. Seterusnya, dapatan kajian membolehkan universiti mengenal pasti nilai-nilai etika akademik yang tidak diamalkan oleh pensyarah dan seterusnya membolehkan langkah-langkah pembetulan dilaksanakan.

iv. Penyelidik mendapati kajian amalan etika akademik dan hubungan dengan demografi telah dikaji oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Hubungan amalan etika akademik dan kompetensi moral berdasarkan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti merupakan jurang penyelidikan yang perlu dikaji oleh penyelidik.

v. Dapatan kajian membolehkan penyelidik menyumbangkan ilmu tentang peranan afektif dan kognitif yang membentuk kompetensi moral pensyarah dan seterusnya mengaplikasikan nilai-nilai etika akademik dalam membuat keputusan dan pertimbangan dalam kalangan pensyarah di IPTA. Keduanya, penyelidik dapat mengenal pasti pengaruh kompetensi moral terhadap hubungan amalan etika akademik dengan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti.

## 1.8 Definisi Operasional

Berikut dikemukakan beberapa definisi yang berkaitan dengan masalah kajian, rasional dan tujuan mengikut kontek kajian.

### 1.8.1 Etika Akademik

Dalam kajian ini etika akademik merujuk kepada Etika Pengajaran di Kolej dan Universiti oleh Murray, Gillese, Lennon, Mercer dan Robinson (1996) yang mengandungi kompetensi terhadap kandungan kursus, kompetensi terhadap kaedah mengajar, menangani topik yang sensitif, perkembangan pelajar, hubungan dua hala dengan pelajar, kerahsiaan, markah pelajar, rekod kedatangan dan komunikasi peribadi perlu diuruskan sebagai sulit, menghormati rakan sekerja, penilaian yang sah terhadap pelajar dan menghormati institusi.

### 1.8.2 Kompetensi Moral

Kompetensi moral merujuk kepada kapasiti individu untuk membuat keputusan dan pertimbangan (*judgement*) secara beretika dan berkelakuan mengikut keputusan beretika yang telah dibuat.

### 1.8.3 Amalan Etika Akademik

Amalan etika akademik dalam kajian ini merujuk kepada amalan etika akademik dalam pengajaran sahaja. Dimensi amalan etika akademik iaitu bersifat autoritarian dalam kelas, kelalaian memberi nasihat kepada pelajar, menjatuhkan maruah pelajar dengan komen negatif, mengelak dari ketidakselesaan, perancangan kursus kurang baik, komunikasi yang kurang baik, pengajaran yang sempit, tidak membuat persediaan yang cukup untuk mengajar, sukatan kursus yang tidak sempurna, bersikap tidak bermoral terhadap pelajar, pengabaian terhadap pelajar, pemarkahan yang bertujuan menghukum pelajar, kerahsiaan dalam pengajaran, tidak memaklumkan maklumat kursus yang lengkap kepada pelajar, merendahkan rakan sekerja, bersikap sinis dan tidak berkerjasama. Pensyarah yang mengamalkan amalan etika akademik ialah mereka yang tidak bersetuju dengan amalan-amalan yang melanggar etika dalam pengajaran berdasarkan dimensi-dimensi etika pengajaran yang telah dinyatakan di atas.

### 1.8.4 Pensyarah

Pensyarah dalam kajian ini merujuk kepada staf akademik yang bertugas di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia yang terdiri dari pensyarah yang bergred jawatan DS 45 hingga DS 54. Mereka yang berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun di universiti.

### 1.8.5 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

IPTA ialah institusi pengajian tinggi kerajaan yang bertaraf universiti yang terdapat di Malaysia. Dalam kajian ini IPTA merujuk kepada universiti yang mempunyai keutamaan dalam pengajaran iaitu 70% pengajaran dan 30% penyelidikan.

## 1.9 Limitasi Kajian

### 1.9.1 Skop

Pensyarah yang terlibat dalam kajian ini ialah pensyarah yang bergred jawatan DS 45 hingga DS 54 dalam bidang pengajian pendidikan dan berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun. Rasional pemilihan pensyarah kumpulan DS 45 hingga DS 54 adalah kerana mereka aktif mengajar dan mempunyai pengalaman dalam etika akademik. Kajian ini juga merujuk prinsip-prinsip etika umum tentang pengajaran berdasarkan Etika Pengajaran di Kolej dan Universiti oleh Murray, Gillese, Lennon, Mercer dan Robinson (1996) iaitu kompetensi terhadap kandungan kursus dan kaedah mengajar, menangani topik yang sensitif, perkembangan pelajar, dwi hubungan dengan pelajar, kerahsiaan, markah pelajar, rekod kedatangan dan komunikasi peribadi perlu diuruskan sebagai sulit. Perkara-perkara tersebut hanya didedahkan dengan mendapat keizinan pelajar, mengikut undang-undang dan untuk kegunaan akademik sahaja. Pendedahan maklumat pelajar dibolehkan hanya untuk kebaikan pelajar dan melindungi kemudaratan orang lain, menghormati rakan sekerja, penilaian yang sah terhadap pelajar dan pensyarah perlu menghormati matlamat pendidikan, polisi dan standard universiti tempat mengajar supaya perkembangan pelajar berterusan. Nilai-nilai etika di luar dimensi etika akademik ini tidak dirujuk oleh penyelidik.

Keduanya, etika yang berkaitan dengan penyelidikan tidak dirujuk dalam kajian ini. Rasional memilih Etika Pengajaran di Kolej dan Universiti oleh Murray, Gillese, Lennon, Mercer dan Robinson (1996) adalah kerana nilai-nilai etika akademik tersebut merupakan nilai etika pengajaran sejagat dan boleh diterima pakai oleh pensyarah yang terlibat dengan pengajaran di universiti.

Selain itu, kajian hanya tertumpu kepada keupayaan kognitif dalam membuat pertimbangan moral dan hubungan dengan amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah. Kajian menjurus kepada etika berdasarkan pandangan barat dan tahap perkembangan moral Kohlberg sahaja. Kajian hanya melihat demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti serta hubungan dengan amalan etika akademik. Seterusnya, penyelidik melihat pengaruh kompetensi moral terhadap hubungan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti dengan amalan etika akademik. Kajian ini lebih merupakan kajian yang berbentuk profiling iaitu mengenalpasti profil pensyarah dan amalan etika akademik berdasarkan demografi, beban tugas, tugas profesional dan pengalaman di universiti sahaja (Harding, Mayhew, Finelli dan Carpenter, 2007).

### 1.9.2 Metodologi

Kajian ini hanya menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan pendekatan *Mixed Methode*. Strategi yang digunakan ialah *Sequential Explanatory Strategy* (Creswell, 2003). Penyelidik akan mengutip data dan menganalisis data kuantitatif dahulu kemudian diikuti kutipan dan analisis data kualitatif. Tujuan *Sequential Explanatory Strategy* untuk menggunakan keputusan data kualitatif bagi menerangkan dapatan data kuantitatif. Data kuantitatif dikutip dengan menggunakan borang soal selidik Inventori Tingkah laku Pengajaran Di Kolej

(CTBI) (Braxton & Bayer, 2003) untuk pensyarah dan Soal selidik Persepsi Pelajar Terhadap Tingkah Laku Pengajaran Di Kolej (PTLP) yang diubahsuai dari CBTI.

### 1.9.3 Dapatan

Dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada pensyarah dalam bidang pengajian pendidikan sahaja. Dapatan kajian hanya mengenal pasti amalan etika akademik dalam kontek pengajaran sahaja.

## 1.10 Kesimpulan

Kajian ini dapat mengenal pasti tahap kompetensi moral dalam kalangan pensyarah di IPTA. Kompetensi moral dijangka mempunyai pengaruh terhadap amalan etika akademik. Pensyarah yang beretika akan memberi kebaikan kepada universiti dalam melaksanakan tanggunjawab moral untuk mendidik pelajar menjadi insan yang bermoral dan berilmu.

# BAB DUA

# SOROTAN KAJIAN

## 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kompetensi moral, amalan etika akademik dalam pengajaran, kerangka teori dan kerangka kajian. Perihalan tentang amalan etika akademik dan hubungan dengan kompetensi moral, faktor demografi, beban tugas, tugas profesionalisme dan pengalaman di universiti juga dibincangkan.

Persaingan dalam persekitaran kerja menyebabkan pensyarah menghadapi dilema etika dalam tugas seharian. Kajian amalan etika sebelum ini lebih tertumpu kepada kompetensi moral dalam kalangan pekerja di organisasi perniagaan (Forker & Janson, 1990; Handfield & Baumer, 2006). Kajian menunjukkan kompetensi moral pekerja mempunyai hubungan dengan amalan etika dalam sesebuah organisasi (Le Clair, Ferrel & Fraedrich, 1998; Yu Lin, 2009). Sewaktu menghadapi dilema etika dalam tugas, pekerja yang mempunyai tahap kompetensi moral yang tinggi lebih berupaya mengamalkan nilai-nilai etika akademik kerana mereka mempunyai kemampuan membuat keputusan dan pertimbangan yang beretika terhadap perlakuan yang betul atau salah berdasarkan nilai-nilai etika akademik.

## 2.2 Kompetensi Moral

Konsep kompetensi moral lebih mudah difahami dengan merujuk Model Perkembangan Moral Kohlberg. Tahap Model Perkembangan Moral Kohlberg ini mempunyai kaitan dengan kompetensi moral dan perlakuan bermoral individu. Tahap perkembangan moral individu berdasarkan keupayaan penaakulan individu

terhadap dilema etika. Individu yang mempunyai kompetensi moral akan berkelakuan secara bermoral (Colby, Kohlberg, Gibbs & Liebermen, 1983)

Secara khususnya, model perkembangan moral Kohlberg menunjukkan konseptual perkembangan hierarki moral individu apabila menghakimi apa-apa yang betul dan salah dari segi moral. Keenam-enam tahap perkembangan moral Kohlberg, menerangkan kesatuan dalam pemikiran moral logik individu. Kohlberg (1969) menyarankan individu akan bermula dengan tahap satu dalam penaakulan moral dan bergerak secara berturutan ke peringkat dua, peringkat tiga dan sehingga seterusnya ke peringkat enam. Pergerakan ke peringkat yang lebih tinggi mencerminkan keupayaan yang tinggi dalam menyelesaikan masalah pada individu yang berada pada peringkat penaakulan moral tinggi akan mempunyai kesedaran, kefahaman, kebolehan mentafsirkan dan mengelola pengalaman dengan lebih bersepadu dan menyeluruh. Perubahan penaakulan moral dari peringkat rendah ke peringkat tinggi berlaku apabila terdapat kesukaran dan ketidakselarian dalam pemikiran. Pemikiran akan membentuk kerangka baharu untuk menyelesaikan kesukaran dan ketidakselarian pemikiran yang dihadapi. Merujuk Teori Perkembangan Moral Kohlberg iaitu individu yang berada pada peringkat enam penaakulan moral lebih berkelakuan bermoral. Pada peringkat penaakulan moral keeman, membuatkan individu akan menyoal sama ada keputusan yang dibuat akan mendorong perlakuan bermoral? Individu pada peringkat penaakulan moral ke enam juga akan mempunyai pandangan yang berbeza terhadap apa-apa yang betul dari segi moral berbanding individu yang berada pada peringkat satu (kontek hukuman) dua (pendekatan berhati-hati) dan peringkat tiga, empat dan lima (patuh kepada undang-undang dan pihak berkuasa). Individu pada peringkat penaakulan moral ke enam mempunyai autunomi moral terhadap isu-isu berkaitan hak-hak moral individu (Kohlberg,

1984). Seterusnya, model perkembangan moral Kohlberg membolehkan bagaimana individu menggunakan perihalan kognitif sewaktu menghadapi dilema etika dikenal pasti. Individu yang berada di tahap prinsipal yang tinggi iaitu diperingkat lima dan enam akan berkelakuan selari dengan prinsip dalaman moral individu berkenaan betul dan salah.

Selain Kohlberg, penyelidik seperti Rest (1979) telah menggunakan alat pengukuran DIT untuk mengukur tahap perkembangan moral kognitif individu. Secara khususnya alat pengukuran DIT mengukur konsep keadilan *(justice)* pada diri individu berdasarkan peringkat perkembangan moral kognitif (pertimbangan moral) dan pengaruh terhadap keputusan bermoral. Individu akan mempamerkan pelbagai peringkat dalam pertimbangan moral mereka. Dapatan oleh Rest (1979) dan Kohlberg serta Candee (1984) mengesahkan Teori Perkembangan Moral Kohlberg iaitu individu yang berada pada tahap perkembangan moral kognitif yang tinggi lebih cenderung kepada pertimbangan moral yang betul dan perlakuan juga adalah selari dengan pertimbangan moral. Teori Perkembangan Moral Kohlberg telah digunakan dalam model-model membuat keputusan dan menunjukkan terdapat hubungan antara perkembangan moral kognitif individu dengan perlakuan beretika.

Merujuk Trevino (1986), individu yang berada pada tahap perkembangan moral pasca-konvensional iaitu pada peringkat lima dan enam mempunyai ketekalan di antara pertimbangan moral dan perlakuan moral berbanding mereka yang berada pada tahap rendah.

Menurut John Dewey (1909), proses membuat keputusan sewaktu individu menghadapi dilema etika dan kaitan dengan tahap perkembangan moral kognitif individu merupakan salah satu faktor yang menerangkan kepelbagaian perlakuan moral. Menurut Piaget (1932) pada tahap perkembangan moral adalah sebahagian

daripada tahap perkembangan intelektual kanak-kanak. Setiap individu mempunyai pandangan yang berbeza terhadap dunia kerana mental individu memberi makna yang berbeza terhadap pengalaman. Tahap perkembangan kognitif moral individu berkembang dalam bentuk intuitif, operasi konkrit dan operasi formal. Konstruk psikologi yang dinyatakan dikenali sebagai pertimbangan moral. Kohlberg (1958) telah mengenal pasti penaakulan moral pada tahap tinggi memerlukan keupayaan penaakulan logik. Selain itu, Kohlberg (1958) menyatakan perkembangan moral harus mengikuti proses perkembangan kognitif. Individu yang beroperasi pada tahap perkembangan kognitif pada tahap rendah akan mempunyai keupayaan membuat penaakulan yang terhad dan tidak dapat mengenal pasti, menganalisis hubungan komplek yang wujud antara elemen yang terlibat dalam membuat keputusan bermoral. Individu juga tidak dapat mengenal pasti kemungkinan-kemungkinan kontigensi dan akibat yang terhasil daripada sesuatu tindakan yang akan diambil. Individu juga tidak mampu untuk mengasimilasi semua kehendak yang terlibat dalam membuat pertimbangan supaya memenuhi prinsip moral ideal.

Seterusnya (Kohlberg, 1969) mengenal pasti tahap perkembangan moral adalah berkaitan dengan stuktur pertimbangan kognitif yang akan memberi kesan kepada afektif tindakan moral. Jadi, Kohlberg (1969) berpendapat untuk mencapai kompetensi moral pada tahap tinggi, individu perlu membina perspektif interpretasi sosial dan juga keupayaan peranan (*role-taking recognition capability)* yang membolehkan individu menterjemahkan pemikiran, perasaan dan kesan terhadap individu lain yang menerima kesan daripada keputusan yang dibuat. Oleh itu, interpretasi individu terhadap sebab kewujudan sistem kerjasama sosial, perspektif sosial dan peranan individu adalah perkara penting dalam menentukan pembangunan kognitif dan tindakan moral (Rest, 1979; Feffer & Gourevitch, 1960; Selman, 1979).

Kohlberg (1969) juga telah membina enam peringkat perkembangan moral individu yang terbahagi kepada tiga tahap. Peringkat perkembangan moral individu berkembang dalam bentuk urutan. Setiap tahap pertimbangan moral akan menyebabkan individu kurang bergantung kepada definisi situasi kerana meningkatnya keupayaan interpretasi logik individu. Deskripsi mengenai tahap perkembangan moral Kohlberg seperti dibawah.

**Tahap 1: Prekonvensional**

Peringkat 1: Moraliti Kepatuhan

Pada peringkat pertama perkembangan moral kognitif individu berdasarkan orientasi kepatuhan individu terhadap undang-undang ialah mengelakkan daripada hukuman. Betul daripada segi moral pada peringkat satu bermaksud tidak melanggar undang-undang, patuh kepada arahan dan menghindari daripada merosak harta individu lain. Alasan melakukan perkara yang betul adalah untuk mengelakkan hukuman dan patuh kepada pihak berkuasa. Individu tidak mengiktiraf kepentingan orang lain kecuali pihak berkuasa dalam menentukan proses untuk membuat keputusan terhadap ganti rugi kerana merosakkan harta benda orang lain. Tindakan individu adalah berdasarkan hasil faedah fizikal yang dapat diperolehi daripada individu lain. Individu pada peringkat satu sukar membezakan perspektif diri dengan perspektif pihak berkuasa. Istilah individu yang mempunyai tahap perkembangan moral pada peringkat satu ialah *egocentric*.

Peringkat 2: Individualisme, keperluan tujuan dan timbal balik

Individu pada peringkat kedua, mengikut peraturan yang dapat memenuhi keinginan dan kepentingan dirinya. Pada masa yang sama individu itu juga membenarkan individu lain mempunyai sifat yang sama. Selain itu, individu mengetahui setiap individu mempunyai hak untuk mencapai kepentingan diri